

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Thursday, April 20, 2017 8:57 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PBS Dedah Seni Tari Kepada Pelajar Pendidikan Khas



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

20 APRIL 2017, KHAMIS | 23 REJAB 1438H



HEP: Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Bendahara, Kedah mengambil inisiatif memberi pendedahan dan pendidikan mengenai kebudayaan dan kesenian kepada pelajar pendidikan khas melalui penganjuran Latihan Khas Kelas Tarian Melayu pada 18 Januari hingga 19 April 2017 di Dewan Budi Siswa.

Pengarah PBS Huzaidy Hussain berkata, program tersebut disertai seramai 15 pelajar terdiri dari usia 13 hingga 19 tahun dalam usaha melatih mereka khusus dalam bidang asas tarian Melayu.

Menurutnya, penganjuran program itu dilihat dapat membantu pelajar meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang seni tari Melayu.

“Peserta diberi pendedahan mengenai asas tarian Melayu yang terdiri daripada Asli, Inang, Joget, Masri dan Zapin serta seterusnya mengikuti beberapa siri bengkel secara praktikal,” katanya.

Selain itu, program ini juga dapat meningkatkan keyakinan diri serta usaha tersebut sebagai kesinambungan bagi pelajar pendidikan khas mengembang dan mempelbagaikan bakat yang telah dipelajari sebelum ini.

Jelas beliau, kemahiran yang dipelajari dalam program itu bukan sahaja untuk menambah pengetahuan, malah boleh memupuk, menyemai dan melahirkan budaya kesenian dalam kalangan pelajar pendidikan khas.

“Program ini adalah julung kali diadakan dan saya berharap para pelajar dapat menggunakan sepenuhnya latihan yang diberikan ini untuk menguasai seni tari Melayu dan objektif program ini tercapai,” katanya.

“Saya yakin program seperti ini sedikit sebanyak dapat memberi gambaran baik kepada masyarakat bahawa pelajar pendidikan khas mempunyai bakat istimewa sekiranya mendapat didikan serta bimbingan sejak di peringkat awal,” jelasnya lagi.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL : 04-928 4215

FAKS : 04-928 4222

EMAIL : pbs@uum.edu.my

WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood

as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.